

05 JULAI 2018

Dua lelaki warga asing disyaki edar dadah ditahan

Dua lelaki warga asing disyaki edar dadah ditahan

Oleh NURUL KHAIRIAH
MOHAMED YUSOF



MOHAMAD AZLIN (tengah) menunjukkan barang rampasan daripada dua lelaki warga asing pada sidang akhbar di IPD Subang Jaya semalam.

PETALING JAYA – Polis berjaya menahan dua pengedar dadah warga asing dalam satu serbuan di sebuah rumah kedai di Jalan SS15/4C, Subang Jaya dekat sini pada Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Azlin Sadari berkata, dua lelaki warga Senegal dan Ghana yang berusia 29 dan 27 tahun itu ditahan pada pukul 9.30 malam.

Katanya, lelaki warga Ghana yang merupakan pelajar sebuah kolej swasta di Subang Jaya mempunyai pasport manakala

seorang lagi lelaki yang tidak bekerja itu tidak memiliki dokumen perjalanan diri yang sah.

"Dalam serbuan itu, kita turut merampas 3.3 kilogram (kg) dadah disyaki jenis ganja dalam bentuk peket dan ketulan mampat bernilai kira-kira RM10,000 yang ditemui dalam dua beg pakaian di salah sebuah bilik di rumah kedai itu.

"Turut dirampas sehelai seluar jeans, wang tunai berjumlah RM500, tiga gugus kunci, dua beg pakaian, dua telefon bimbit dan satu pasport milik lelaki Ghana tersebut," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya di sini semalam.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal, pasaran dadah kedua-dua suspek itu adalah di sekitar daerah itu dan pihak polis tidak menolak kemungkinan mereka turut menjualnya kepada pelajar kolej swasta terdekat.

"Difahamkan, sindiket tersebut aktif sejak enam bulan lalu dan kita masih menyiasat sumber bekalan dadah tersebut.

"Kedua-dua suspek ditahan reman selama tujuh hari sehingga 9 Julai ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," ujarnya.